



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL**  
**43100 HULU LANGAT, SELANGOR**

**MINIT MESYUARAT HEM BIL 3 / 2025**

---

**Bilangan Mesyuarat** : Bil 3/ 2025

**Tarikh** : 06 Oktober 2025 (Isnin)

**Masa** : 1.10 – 2.10 petang

**Tempat** : Bilik HEM SMAJA

**Pengerusi** : Puan Marlina binti Basri

---

Hadir :

1. Marlina binti Basri (PK HEM)
2. Rozita binti Abdul Ghaffar (Setiausaha HEM)
3. Siti Aminah binti Ramli (Penolong Setiausaha HEM)
4. Ahmad Suffian bin Nawi (Ketua Guru Disiplin)
5. Nazilawati binti Abdul Manaf (Setiausaha Unit Disiplin)
6. Nor Ashana binti Jamaian (Setiausaha Unit Bimbingan Dan Kaunseling)
7. Suriani binti Mustafa (Setiausaha Unit Skim Pinjaman Buku Teks)
8. Azizah binti Hasim (Setiausaha Bantuan Dan Kebajikan Murid)
9. Noriati Binti A.Rahman (Setiausaha Unit Data Murid)
10. Hasnida binti Hassan (Penyelaras Badan Kepimpinan Murid)
11. Rosnani binti Md Yunos (Penolong Penyelaras 3K/ Setiausaha Keceriaan)
12. Afif bin Azmal (Setiausaha JK Asrama)
13. Wan Faridah binti Wan Isa (Penyelaras Tingkatan 1)
14. Nurfarizan binti Ngadimek (Penyelaras Tingkatan 2)
15. Sharifah binti Mohamed Sultan (Penyelaras Tingkatan 3)
16. Syakilah binti Ali (Penyelaras Tingkatan 4)
17. Nor Rohanai binti Junoh (Penyelaras Tingkatan 5)

Tidak Hadir :

1. Norashaniza binti Sarip (Setiausaha Kantin)
2. Hazrian bin Hamzah (Penyelaras 3K/ Setiausaha Keceriaan)

### **1.0 PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah. Pengerusi selanjutnya mengalu-alukan kehadiran JK HEM dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dalam Mesyuarat JK Unit HEM bil 3 bagi sesi 2025.

*Tindakan: Makluman*

### **2.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT HEM BIL 2/ 2025**

- 2.1 Tidak ada pembentangan minit terdahulu.

*Tindakan: makluman*

### **3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 3.1 Tiada

*Tindakan: Makluman*

### **4.0 PERKARA-PERKARA BAHARU**

- 4.1 Pengerusi memaklumkan, satu program terdekat anjuran unit HEM ialah Majlis Anugerah Kualiti HEM dan Kokurikulum. Butiran majlis seperti berikut :

Tarikh : 30 Oktober 2025 (Khamis)  
Masa : 10 pagi hingga 1.05 tengah hari  
Tempat : Dewan Seri Bestari

*Tindakan: Makluman*

4.2 Hadiah kepada penerima anugerah berbentuk Sijil dan Plak. Sumbangan dari pihak PIBG SMAJA berjumlah RM2170.00. Butiran seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SEUNIT</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>JENIS HADIAH</b>
1	Anugerah Kehadiran Penuh	85	8.00	680.00	Plak & Sijil
2	Anugerah Sahsiah Terpuji	85	8.00	680.00	Plak & Sijil
3	Anugerah Kelas Terbersih Keseluruhan	2	100.00	200.00	Tunai RM
<b>Badan Kepimpinan Murid</b>					
4	Anugerah Penolong Ketua Tingkatan Terbaik	5	13.00	65.00	Plak & Sijil
5	Anugerah Ketua Tingkatan Terbaik	5	13.00	65.00	Plak & Sijil
6	Anugerah Skuad Rakan Buku Terbaik	2	13.00	26.00	Plak & Sijil
7	Anugerah Skuad Dewan Seri Bestari Terbaik	2	13.00	26.00	Plak & Sijil
8	Anugerah Skuad CikguMu Cantik Terbaik	4	13.00	52.00	Plak & Sijil
9	Anugerah Skuad Dakwah Terbaik	2	13.00	26.00	Plak & Sijil
10	Anugerah Pengawas Koperasi Terbaik	4	13.00	52.00	Plak & Sijil
11	Anugerah Pengawas Asrama Terbaik	2	13.00	26.00	Plak & Sijil
12	Anugerah Pembimbing Rakan Sebaya Terbaik	4	13.00	52.00	Plak & Sijil
13	Anugerah Pengawas Pusat Sumber Terbaik	4	13.00	52.00	Plak & Sijil
14	Anugerah Badan Pengawas Sekolah Terbaik	6	13.00	78.00	Plak & Sijil
<b>Anugerah Khas Unit HEM</b>					
15	Anugerah Khas Tokoh Murid HEM	2	45.00	90.00	Plak & Sijil
<b>JUMLAH</b>		<b>214</b>		<b>2170.00</b>	

*Tindakan : Makluman*

- 4.3 Pengerusi membentangkan senarai nama JK HEM yang terlibat dalam JK Majlis Anugerah Kualiti beserta perincian bidang tugas masing-masing dengan jelas.

***Tindakan : Makluman***

- 4.4 Pemilihan penerima anugerah kategori guru akan dibuat oleh para pentadbir manakala pemilihan kategori murid dibuat oleh semua guru. Penyelaras BKM, Pemimpin BKM dan Penyelaras Tingkatan perlu menyediakan link untuk pencalonan dan perlu dikongsikan dalam Group Telegram SANTAI DALAMAN SMAJA (HEM) untuk undian.

***Tindakan : Penyelaras BKM, Pemimpin BKM,  
Penyelaras Tingkatan, Semua Guru***

- 4.5 JK Pemilihan Penerima Anugerah perlu memilih calon penerima anugerah berdasarkan nama-nama yang telah dicalonkan oleh guru-guru dan memberikan nama calon kepada Penyelia Penerima Anugerah Majlis Anugerah Kualiti.

***Tindakan: Pemilihan Penerima Anugerah***

- 4.6 Setiausaha perlu menyediakan softcopy Surat Jemputan dan Sijil Penghargaan kepada semua penerima anugerah seterusnya serahkan kepada JK Jemputan dan JK Sijil.

***Tindakan : Setiausaha HEM***

- 4.7 JK Sijil perlu mendapatkan softcopy sijil daripada setiausaha HEM seterusnya perlu menyediakan sijil untuk semua penerima anugerah. Serahkan sijil kepada JK Hadiah sebelum majlis berlangsung.

***Tindakan: JK Sijil***

## **5.0 HAL-HAL LAIN**

5.1 Tiada

## **6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.10 petang dengan bacaan surah al-Ashr dan tasbih kifarah.

Urusetia Mesyuarat HEM

SMK Abdul Jalil

Bertarikh: 06 Oktober 2025